



2 Januari 2013
2 January 2013
P.U. (A) 3

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN) 2013

INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) 2013**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi orang yang perniagaannya berkaitan dengan penyediaan dan penyenggaraan taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308].

Pengeccualian

3. (1) Menteri mengeccualikan orang yang disebut dalam perenggan 2 daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan yang berkaitan dengan penyediaan dan penyenggaraan taman asuhan kanak-kanak bagi tempoh lima tahun taksiran berturut-turut (tahun taksiran yang dikeccualikan) bermula dari—

(a) tahun taksiran 2013 berhubung dengan taman asuhan kanak-kanak sedia ada; atau

(b) invoice pertama yang dikeluarkan oleh taman asuhan kanak-kanak yang memulakan perniagaan dari tahun taksiran 2013.

(2) Pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran yang dikeccualikan hendaklah ditentukan selepas

memotong elaun yang tergolong boleh diberikan di bawah Jadual 3 Akta walaupun tiada tuntutan untuk apa-apa elaun dibuat.

(3) Jika aset yang digunakan bagi maksud pendapatan berkanun digunakan juga bagi maksud suatu pendapatan perniagaan lain atau punca pendapatan yang lain, maka elaun yang tergolong boleh diberikan di bawah Jadual 3 Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira setakat aset itu digunakan bagi maksud pendapatan berkanun.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau mengemukakan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Kerugian

4. (1) Apa-apa amaun kerugian larasan yang dilakukan—

(a) dari tahun taksiran dalam tempoh asas pendapatan yang disebut dalam perenggan 3 telah bermula sehingga tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran yang dikecualikan; dan

(b) semasa tahun taksiran yang dikecualikan,

hendaklah dibawa ke hadapan dan dipotong terhadap pendapatan berkanun bagi punca pendapatan yang disebut dalam perenggan 3 dalam tahun selepas tahun taksiran yang dikecualikan sehingga semua amaun kerugian larasan yang ke atasnya ia berhak telah digunakan.

(2) Apa-apa kerugian larasan yang telah digunakan untuk mengurangkan pendapatan berkanun tidak boleh diambil kira bagi maksud subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta.